

Isu biodiversiti perlu ditangani secara efektif

► Untuk mengekalkan kekayaan biologi semulajadi

Oleh ALFRED PETRUS

masa kini.

“Dalam pada itu, satu inisiatif baharu iaitu Matlamat Pembangunan Mampan

(SDGS) dilancarkan dengan tempoh pelaksanaan selama 15 tahun iaitu sehingga 2030 bagi melindungi, memulihara dan

menggalakkan pembangunan ekosistem yang mampan, pengurusan hutan secara lestari mahupun memulihara

“Dalam pada itu, satu inisiatif baharu iaitu Matlamat Pembangunan Mampan (SDGS) dilancarkan dengan tempoh pelaksanaan selama 15 tahun iaitu sehingga 2030 bagi melindungi, memulihara dan menggalakkan pembangunan ekosistem yang mampan, pengurusan hutan secara lestari mahupun memulihara alam bagi menghentikan kehilangan biodiversiti.”

TOMOKO MIYAGAWA

Wakil Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (Jica)

UB 27.9.2017
KOTA KINABALU: Kebimbangan berkenaan pemuliharaan biodiversiti di Sabah perlu ditangani dengan lebih efektif untuk memastikan kekayaan biologi semulajadi kekal.

Wakil Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (Jica) Tomoko Miyagawa berkata pemuliharaan biodiversiti adalah isu sangat penting apabila perihal memelihara alam sekitar dan kepelbagaian biologi bertentangan dengan pembangunan ekonomi pada

COUNTRY TRAINING PROGRAMME IN SABAH (SABAH TCTP 2017)
INTEGRATED BIODIVERSITY AND ECOSYSTEM CONSERVATION TRAINING COURSE



SHAHRIL (tengah) menyampaikan sijil penyertaan kepada peserta program.

alam bagi menghentikan kehilangan biodiversiti.

“Dalam hal ini, Program Latihan Negara Ketiga (TCTP) berkenaan Pemuliharaan Biodiversiti Bersepadu dilaksanakan untuk dua kitaran yang dijalankan selama enam tahun telah diperluaskan kepada kitaran baharu yang lain iaitu program kitaran ketiga untuk tiga tahun lagi bermula tahun lalu,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penutupan TCTP 2017 di Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada Selasa.

Tomoko berkata, seperti tahun sebelumnya, Jica telah melaksanakan Program Pemuliharaan Biodiversiti dan Ekosistem Borneo (BBEC) sejak 2002 dengan kerjasama kerajaan negeri dan UMS di bawah Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA) Jepun.

“Kini, kami melaksanakan projek Pembangunan Mampan Biodiversiti dan Ekosistem (SCBEC) untuk melihat hubungan antara alam sekitar dan manusia, melaksanakan rancangan pengurusan pemuliharaan tapak Ramsar serta berkongsi apa yang terdapat di Sabah kepada dunia luar.

“Dari sudut pandang latar belakang, usaha dan pengalaman pemuliharaan biodiversiti di Sabah serta hasil projek Jica adalah tempat yang sesuai untuk melaksanakan projek pemuliharaan biodiversiti,” katanya.

Beliau yakin pelaksanaan program itu mampu memberi pengetahuan kepada 15 orang yang menyertainya mengenai kepentingan, pengetahuan dan kemahiran berkenaan pengurusan pemuliharaan biodiversiti.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS Prof Dr Shahril Yusof, Pemangku Pengarah ITBC UMS Prof Madya Dr Monica Suleiman dan Ketua Konsul Jepun di Pejabat Konsulat Jepun Kota Kinabalu Hiroko Matsuo.

SHAHRIL (depan, enam kanan) dan Tomoko (depan, enam kiri) merakamkan gambar kenangan bersama tetamu jemputan dan peserta program.

